Gunasilan a/l Ramasamy lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan lain lain

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 44–106 TAHUN 2004 (4)
AZAHAR MOHAMED PK
16 JUN 2005

Undang-Undang Pentadbiran — Kuasa-kuasa pentadbiran yang dijalankan — Tahanan — Sama ada terdapat ketidpatuhan atau pelanggaran kehendak prosedur — Sama ada tahanan pemohon adalah sah — Sama ada perlucutan kebebasan pemohon adalah mengikut undang-undang

Pemohon telah memfailkan satu permohonan (lampiran 3) untuk perintah bahawa tahanan pemohon oleh responden kedua di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan 1969') adalah tidak sah dan terbatal. Pemohon juga telah memohon agar satu writ habeas corpus dikeluarkan dan untuk satu perintah supaya dia dibebaskan serta-merta daripada tahanan tersebut. Fakta yang tidak dipertikaikan menunjukan bahawa pada 27 September 2004 responden pertama telah mengeluarkan satu perintah tahanan terhadap pemohon supaya pemohon ditahan selama dua tahun mulai dari 28 September 2004 di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor. Peguamcara pemohon telah membangkitkan dua isu bagi menyokong penghujahannya iaitu bahawa: (a) isi kandungan perintah tahanan dan alasan-alasan tahanan tersebut tidak diterangkan sepenuhnya kepada pemohon dan ini telah memprejudiskan pemohon dengan seriusnya serta juga bertentangan dengan kehendak s 4(4) Ordinan 1969; (b) pemohon tidak diberi borang statutori yang berkenaan untuk membolehkan pemohon membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. Peguamcara pemohon juga telah berhujah bahawa pemohon tidak dimaklumkan tentang haknya untuk membuat representasi terhadap perintah tahanan tersebut. Peguam Persekutuan pula yang mewakili kesemua responden telah berhujah bahawa isi kandungan perintah tahanan serta alasan-alasan tahanan tersebut telahpun diterangkan dengan sewajarnya kepada pemohon.

Diputuskan, menolak permohonan pemohon:

(1) Pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak dan keperluan prosedur di bawah Ordinan 1969 maupun di bawah Kaedah-Kaedah 1972. Semua prosedur yang membawa kepada pengeluaran perintah tahanan bertarikh 27 September 2004 yang ditandatangani oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri itu telah diikuti dan dipatuhi dengan sempurna dan sepenuhnya (lihat perenggan 12); *Aw Ngoh Leang v Insp General of Police & Ors* [1993] 1 MLJ 65 tidak diikut.

(2) Perlucutan kebebasan diri pemohon adalah mengikut undang-undang di bawah s 4 Ordinan 1969 (lihat perenggan 12).

(3) Penahanan pemohon pada masa ini di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor adalah sah kerana ianya adalah mengikut autoriti statutori yang sah (lihat perenggan 12); *Yeap Hock Seng @ Ah Seng v Minister for Home Affairs, Malaysia* [1975] 2 MLJ 279 diikut.

[**English summary**

The applicant had filed an application (encl 3) for an order that the applicant's detention by the respondent under the Emergency Ordinance (Public Order and Prevention of Crime) 1969 (the '1969 Ordinance') was not valid and void. The applicant also sought for the issuance of a habeas corpus writ and for an order that the applicant be released immediately from the said detention. The undisputed facts showed that on 27 September 2004, the first respondent had issued a detention order against the applicant for the applicant to be detained for two years commencing from 28 September 2004 at Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor. Counsel for the applicant raised two issues to support his submissions, that is: (a) the contents of the detention order and the reasons for the said detention was not fully explained to the applicant and this had seriously prejudiced the applicant, which was contrary to the requirements of s 4(4) of the 1969 Ordinance; (b) the applicant was not given the requisite statutory form to enable the applicant to make representations to the Advisory Board. Counsel for the applicant also submitted that the applicant was not informed of his rights to make representations pertaining to the said detention order. Federal Counsel who represented all the respondents submitted that the contents of the detention order and the reasons for the said detention had been explained accordingly to the applicant.

Held, dismissing the applicant's application:

(1) The applicant had failed to show that there was a non-compliance or breach of any procedural requirements under the 1969 Ordinance and the 1972 Rules. All procedures leading to the issuance of the detention order dated 27 September 2004 which was signed by the Deputy Home Affairs Minister were fully and perfectly followed and complied with (see para 12); *Aw Ngoh Leang v Insp General of Police & Ors* [1993] 1 MLJ 65 not followed.

(2) The removal of the applicant's personal liberty was in compliance with the law under s 4 of the 1969 Ordinance (see para 12).

(3) The applicant's current detention at Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor was valid as it was pursuant to valid statutory authority (see para 12); *Yeap Hock Seng @ Ah Seng v Minister for Home Affairs, Malaysia* [1975] 2 MLJ 279 followed).]

Nota-nota

Bagi kes-kes berkenaan undang-undang pentadbiran, sila lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 14–15.

Kes-kes yang dirujuk

Aw Ngoh Leang v Insp General of Police & Ors [1993] 1 MLJ 65 (tidak diikut)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan yang lain [Rayuan Jenayah No 05-23-2004 (J)] (dirujuk)

Yeap Hock Seng @ Ah Seng v Minister for Home Affairs, Malaysia [1975] 2 MLJ 279 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Kententeraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara) 1972 kaedah 3

Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 s 7(c)(1)

RR Mahendran (RR Mahendran & Co) bagi pihak pemohon.

Rahmatullah (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak responden.

Azahar bin Mohamed PK:

[1] Ini ialah satu permohonan dalam lampiran 3 yang difailkan oleh pemohon untuk satu perintah bahawa tahanan pemohon oleh responden kedua dibawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan 1969') adalah tidak sah dan terbatal. Pemohon memohon agar satu writ habeas corpus dikeluarkan dan juga memohon satu perintah supaya dia dibebaskan serta-merta daripada tahanan tersebut. Mengenai writ hebeas corpus, Yang Arif Abdoolcader H (ketika itu) telah menjelaskan tentangnya dalam kes *Yeap Hock Seng @ Ah Seng v Minister for Home Affairs, Malaysia* [1975] 2 MLJ 279 seperti berikut di halaman 281:

> Habeas corpus is a high prerogative writ of summary character for the enforcement of this cherished civil right of personal liberty and entitles the subject of detention to a judicial determination that the administrative order adduced as warrant for the detention is legally valid, in the sense that it is pursuant to valid statutory authority, and to test whether the detention proceedings are, in the words of Frankfurter J in *Estep v United States* (1946) 327 US 114 'a mere sham, nothing but an empty form'.

[2] Fakta yang tidak dipertikaikan menunjukan bahawa pada 27 September 2004 responden pertama telah mengeluarkan satu perintah tahanan terhadap pemohon supaya pemohon ditahan selama dua tahun mulai dari 28 September 2004 di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor. Untuk memudahkan rujukan, perintah tahanan tersebut diperturunkan di bawah ini:

OD(KAMJ)1B

ORDINAN DARURAT
(KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENA YAH) 1969

PERINTAH TAHANAN
[Seksyen 4(1) 1]

Kepada:

Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor;
Ketua Polis Negara, Malaysia;
Semua Pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkenaan.

BAHAWASANYA saya, berpuashati yang Perintah Tahanan adalah perlu dibuat ke atas orang yang namanya tersebut di bawah ini dengan tujuan;

(a)

(b) menghapuskan kekerasan *

(c) mencegah jenayah melibatkan kekerasan *

Nama	Nombor Kad Pengenalan
GUNASILAN A/L RAMASAMY	740513–14–5939

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 4(1), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, saya dengan ini memerintahkan supaya orang yang namanya yang tersebut di atas ditahan selama *dua (2) tahun* mulai dari *28* hari bulan *September 2004*. di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah dari semasa ke semasa.

Diperbuat pada *27* haribulan *September 2004*

tt
(DATO' NOH BIN HJ OMAR)
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri
Malaysia

[KAMJ 15395]
* Potong yang tidak berkenaan

[3] Penyataan mengenai alasan-alasan serta pengataan-pengataan fakta yang atasnya Perintah itu dibuat adalah saperti berikut:

Lampiran E

ORDINAN DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 5/69

Nama Orang Tahanan : GUNASILAN A/L RAMASAMY

No Kad Pengenalan : 740513–14–5939

ALASAN-ALASAN YANG ATASNYA PERINTAH ITU DIBUAT:

Kamu adalah ahli kumpulan samun motolori bermuatan yang telah terlibat dalam kegiatan jenayah yang berunsurkan kekerasan.

PENGATAAN-PENGATAAN FAKTA YANG ATASNYA PERINTAH ITU DIASASKAN:

Bahawa kamu adalah ahli kumpulan samun motolori bermuatan yang aktif dan bergerak cergas di sekitar Negeri Pulau Pinang dan Kedah serta terlibat dalam kegiatan jenayah yang berunsurkan kekerasan. Di antara kejadian yang melibatkan kamu ialah:

1. Bahawa kamu pada 28 Oktober 2002, jam lebih kurang 12.40 tengahari, bertempat di kedai emas Ayur Patter, No 55, Jalan Dato' Keramat, Pulau Pinang, kamu bersama-sama rakan sejenayah dengan bersenjatakan pistol dan kapak telah melakukan samun kedai emas. Jumlah kerugian dianggarkan lebih kurang RM22,675.

2. Bahawa kamu pada 3 Julai 2003, jam lebih kurang 8.15 malam, bertempat diJalan Perusahaan menghala ke Tol Jambatan, Pulau Pinang, kamu bersama-sama rakan sejenayah dengan bersenjatakan kapak telah melakukan samun lori muatan komputer jenis 'hard disk'. Pemandu lori telah diikat tangan dan kaki serta muka ditutup dengan pembalut plastik. Jumlah kerugian dianggarkan lebih kurang RM370,240.

3. Bahawa kamu pada 30 September 2003, jam lebih kurang 12.55 tengahari, bertempat di lampu isyarat, persimpangan Jalan Besar Bukit Tengah/Jalan Bukit Minya, Bukit Tengah, Pulau Pinang, rakan sejenayah kamu dengan bersenjatakan kapak telah melakukan samun lori muatan alat-alat ganti komputer. Pemandu lori telah ditarik keluar dan kemudian tangan diikat serta mata ditutup. Seterusnya kamu bersama-sama rakan sejenayah menguruskan penjualan barang-baang alat ganti komputer yang disamun.

4. Bahawa kamu pada 12 Disember 2003, jam lebih kurang 10.50 malam, bertempat di selekoh Jalan Satu, kawasan Perindustrian Dakar Arang, Sungai Petani, Kedah, kamu telah melakukan samun lori muatan 'CD-ROM' dan 'CD-RW. Pemandu lori telah diikat tangan dan kaki serta mata ditutup. Jumlah kerugian dianggarkan lebih kurang RMS 17,580.

Dengan Arahan
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri

Tarikh: 27 September 2004

tt
(MOHD RUSSAINI BIN IDRUS)
Penolong Setiausaha
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

(KAMJ 15395)

[4] Dihadapan saya, En RR Mahendran yang mewakili pemohon telah membangkitkan dua isu bagi menyokong penghujahannya mengapa permohonan dalam lampiran 3 ini patut dibenarkan oleh mahkamah. Isu pertama yang ditimbulkan oleh beliau ialah bahawa isi kandungan perintah tahanan dan alasan-alasan tahanan tersebut tidak diterangkan kepada pemohon. Menurut beliau kegagalan ini telah memprejudiskan pemohon dengan seriusnya serta juga bertentangan dengan kehendak s 4(4) Ordinan 1969 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> (4) Whenever any person is detained under a detention order he shall, in accordance with Art 151 of the Constitution, as soon as may be:
>
> (a) be informed of the grounds of this detention;
>
> (b) subject to cl (3) of the said Article (which provides that no authority may be required to disclose facts whose disclosure would in its opinion be against the national interest) be informed of the allegations of fact on which the order is based; and
>
> (c) be given the opportunity of making representations against the order as soon as may be.

[5] Sementara isu kedua yang dibangkitkan oleh En RR Mahendran ialah bahawa pemohon tidak diberi borang statutori yang berkenaan untuk membolehkan pemohon membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. En RR Mahendran juga berhujah bahawa pemohon tidak dimaklumkan tentang haknya untuk membuat representasi terhadap perintah tahanan tersebut. Bagi menyokong penghujahannya beliau telah merujuk kepada Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Kententeraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara) 1972 [Kaedah-Kaedah 1972] yang berbunyi seperti yang berikut:

> (1) When any person is brought to a place of detention in pursuance of a detention order it shall be the duty of the Officer in Charge to inform him, as soon as practicable after his arrival, of his right to make representations against the detention order within the time and in the manner hereinafter provided;
>
> (2) It shall be the duty of the Officer in Charge, when informing any detained person of his right to make representations, to provide him with two copies

(or, if the detained person states that he intends to engage an advocate to represent him, three copies) of Form I in the Schedule. A

(3) The detained person shall, if he desires to make representations, complete one copy of the form in time to enable the Officer in Charge to forward it to the Secretary not more than fourteen days after the arrival of the detained person at the place of detention, and it shall be the duty of the Officer in Charge to forward the form to the Secretary before the expiry of that period. B

[6] Sebelum saya membincangkan isu-isu yang dibangkitkan itu, saya ingin merujuk kepada s 7(c)(1) Ordinan 1969 yang menyatakan demikian:

(1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decisions made by Yang Di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with the Ordinance, save in regard to any question or compliance with any procedural requirement in this Ordinance governing such act or decision. C

[7] Dalam hubungan ini saya ingin merujuk kepada keputusan terbaru Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan yang lain* [Rayuan Jenayah No 05-23-2004 (J)] di mana Yang Arif Abdul Hamid Mohamad HMP dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan sejarah serta kesan perundangan dan luang lingkup peruntukan yang tersebut di atas. Inilah yang dikatakan oleh hakim yang arif itu: D E

In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a habeas corpus application where the detention order of the Minister made under s 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent sections in ISA 1960 and DD (SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down to procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. Ifthere is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance. F G

[8] Apa yang jelas daripada autoriti tersebut ialah bahawa saya hanya mempunyai bidangkuasa untuk meneliti ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak prosedur di bawah Ordinan 1969 tersebut. Sehubungan dengan itu setelah meneliti alasan-alasan yang dikemukakan oleh pemohon sepertimana yang telah dihuraikan di atas, adalah jelas kepada saya apa yang pemohon lakukan hanyalah mempertikaikan serta membangkitkan isu ketidakpatuhan atau pelanggaran kehendak prosedur. Dalam erti kata lain, pemohon berhak di bawah s 7(c) Ordinan 1969 untuk membangkitkan isu-isu yang berkenaan dalam permohonannya ini. Oleh yang demikian, apa yang H I

perlu saya pertimbangkan dan putuskan sekarang ialah sama ada berdasarkan semua keterangan yang ada yang dikemukakan melalui affidavit kedua-dua belah pihak terdapat ketidakpatuhan ataupun pelanggaran mana-mana kehendak prosedur seperti yang dihujahkan oleh peguam pemohon yang bijaksana itu.

[9] Sepertimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi isu pertama yang dibangkitkan oleh pemohon ialah bahawa isi kandungan perintah tahanan dan alasan-alasan tahanan yang berkenaan tidak diterangkan kepada pemohon. Alasan ini disebut di dalam afidavit pemohon dalam lampiran 4 perenggan 8. Menurut peguam pemohon yang bijaksana terdapat keraguan sama ada terjemahan telah dibuat dengan sempurnanya oleh C/Insp Saravanan a/l Velu ataupun En Harun bin Musa, seorang warder di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam. Sebaliknya, En Rahmatullah, peguam persekutuan yang mewakili kesemua responden dalam kes ini telah menarik perhatian saya kepada afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak responden bagi menyokong penghujahannya bahawa isi kandungan perintah tahanan serta alasan-alasan tahanan tersebut telahpun diterangkan dengan sewajarnya kepada pemohon. Setelah saya meneliti semua afidavit yang berkenaan, saya bersetuju dengan penghujahan peguam persekutuan yang bijaksana itu dan saya mendapati isu yang dibangkitkan ini tidak terdapat asas kerana:

(i) Cif Insp Saravanan a/l Velu dalam afidavitnya dalam lampiran 10 diperenggan 6 dengan jelas menyatakan bahawa beliau sendiri telah menerangkan perintah tahanan dan alasan-alasan tahanan seperti yang terkandung dalam ekshibit GR1 dan GR2 kepada pemohon di dalam Bahasa Tamil. Menurut Cif Inspektor ini lagi pemohon sendiri mengakui yang dia faham terjemahan dan seterusnya dia telah menurunkan tandatangannya pada mukasurat 2 di eks GR1 dan GR2 itu;

(ii) Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Rengam, En Sazali bin Ismail di dalam afidavitnya dalam lampiran 8 perenggan 5 telah menyatakan bahawa beliau telah mengarahkan Jurubahasa Tamil En Harun bin Musa untuk menterjemahkan sekali lagi isi kandungan ekshibit GR1 dan GR2 kepada pemohon dalam Bahasa Tamil; dan

(iii) En. Harun bin Musa dalam afidavitnya dalam lampiran 12 perenggan 5 telah menyatakan bahawa pada 30 September 2004 setelah diarahkan oleh En Sazali bin Ismail, beliau telah menterjemahkan eks GR1 dan GR2 kepada pemohon.

[10] Sekarang saya akan menyentuh isu kedua yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang bijaksana itu. Mengenai isu ini telah dihujahkan bahawa pemohon tidak diberi sebarang Borang 1 untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. Alasan yang dinyatakan oleh pemohon ini terkandung dalam afidavitnya dalam lampiran 4 perenggan 10. Bagi menyokong penghujahannya beliau telah merujuk kepada Kaedah-Kaedah 1972 yang telahpun saya perturunkan di atas dan kes *Aw Ngoh Leang v Inspector General of*

Police & Ors [1993] 1 MLJ 65. Dalam kes itu, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Kaedah 3(2) Kaedah-Kaedah 1972 adalah mandatori kerana ia melibatkan hak seseorang yang ditahan tanpa perbicaraan untuk meminta pelepasannya melalui suatu prosedur untuk membuat bantahan yang memerlukan pengisian sekurang-kurangnya dua borang dan satu lagi jika orang yang ditahan itu bertujuan supaya beliau diwakili oleh seorang peguambela di hadapan Lembaga Penasihat. Mahkamah Persekutuan selanjutnya memutuskan bahawa sebarang keingkaran keperluan mandatori untuk perlindungan hak itu akan mentaksahkan suatu perintah penahanan yang telah dibuat walaupun orang yang ditahan itu tidak dimudaratkan.

[11] Adalah penting untuk mengambil perhatian dan ingatan bahawa dalam kes *Aw Ngoh Leang* itu pemohon yang terbabit hanya diberikan satu salinan sahaja Borang 1. Ini adalah berbeza sama sekali dengan kes di hadapan saya di mana Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, En Sazali b Ismail dalam afidavitnya dalam lampiran 8 perenggan 7 menyatakan bahawa beliau telah menyerahkan 3 salinan Borang 1 di bawah Kaedah 3(2) Kaedah-Kaedah 1972 kepada pemohon bagi tujuan membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. Dalam hubungan ini, En Harun bin Musa seorang pegawai warder yang juga bertugas sebagai jurubahasa Tamil di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, dalam afidavitnya dalam lampiran 12 perenggan 5 telah menyatakan bahawa beliau telah menterjemahkan hak-hak untuk membuat representasi dan hak mendapatkan khidmat peguam kepada pemohon. Dalam hubungan ini juga, saya ingin merujuk kepada afidavit En Khalid Ali, setiausaha kepada Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya dalam lampiran 11 perenggan 4 afidavit dimana beliau menyatakan bahawa Lembaga Penasihat telah menerima representasi pemohon sepertimana yang dibuat di Borang 1 pada 8 Oktober 2004. Borang 1 itu telah dilampirkan sebagai eks KA1. Ekshibit KA1 ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa pemohon telah menggunakan haknya untuk membuat representasi kepada Lembaga Rayuan. Pada pandangan saya, eks KA1 ini yang terdapat tandatangan pemohon serta juga En Harun bin Musa menyokong apa yang dikatakan oleh En Harun bin Musa dalam afidavitnya bahawa beliau sendiri telah menterjemahkan Borang 1 kepada pemohon. Oleh yang demikian, saya berpendapat semua peruntukan Kaedah 3 Kaedah-Kaedah 1972 telah dipatuhi dengan sepenuhnya oleh pihak responden.

[12] Pada kesimpulannya, pada hemat saya, pemohon telah gagal untuk menunjukan bahawa terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak dan keperluan prosedur di bawah Ordinan 1969 mahu pun di bawah Kaedah-Kaedah 1972. Pada hemat saya semua prosedur yang membawa kepada pengeluaran perintah tahanan bertarikh 27 September 2004 yang ditandatangani oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri itu telah diikuti dan dipatuhi dengan sempurna dan sepenuhnya. Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan, antara lain, bahawa tidak seorang pun boleh

dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Berdasarkan keterangan yang ada di hadapan saya, jelaslah perlucutan kebebasan diri pemohon adalah mengikut undang-undang di bawah seksyen 4 Ordinan 1969 tersebut yang digubal oleh Badan Perundangan. Pada hemat saya juga penahanan pemohon pada masa ini di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor adalah sah kerana, meminjam kata-kata Yang Arif Abdoolcader H (ketika itu) dalam kes *Yeap Hick Seng*), 'it is pursuant to valid statutory authority'. Oleh itu, berdasarkan alasan-alasan yang telah saya huraikan di atas, lampiran 3 ditolak.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Eugene Louis